

15/01/2003

Suarakan pandangan wujudkan keamanan

KUALA LUMPUR: Perwakilan mesyuarat Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) yang sedang berlangsung di sini diminta mengambil peluang membincangkan lebih serius sebarang kata sepakat serta usaha mewujudkan keamanan dan keselamatan dunia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, forum itu penting sebagai wadah menyuarakan pandangan ahli Parlimen rantau Asia Pasifik berhubung isu politik dan ekonomi globalisasi.

"Saya harap akan ada kata sepakat dalam forum APPF kali ini, terutama bagi menangani isu hangat yang sedang hebat diperdebatkan pada masa ini walaupun kata sepakat sukar dicapai," katanya pada majlis meraikan perwakilan APPF, di Menara Kuala Lumpur, malam semalam.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Jepun yang kini Presiden APPF, Yasuhiro Nakasone; Yang Dipertua Dewan Negara merangkap Pengerusi Forum APPF Kuala Lumpur, Tan Sri Michael Chen serta ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Menteri berkata, sebagai ahli Parlimen yang mewakili kawasan Parlimen masing-masing, pandangan mereka dalam isu globalisasi semasa menggambarkan hasrat serta pandangan orang ramai di kawasan mereka.

Abdullah juga menyatakan penghargaannya terhadap jasa Nakasone yang juga bekas Perdana Menteri Jepun kerana berjaya memujuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membolehkan ahli Parlimen negara ini menganggotai APPF.